



## KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	3/10/2019	MUKA SURAT	:	28
JABATAN	:	SPAN			
KLASIFIKASI	:	<b>PERHATIAN</b>			



JURUTEKNIK Air Selangor, Muhammad Tarmizi Abdullah membuat pemeriksaan air berhubung insiden pencemaran bau di Sungai Semenyih, Bukit Mahkota, Bangi.

**Kuala Lumpur:** Siasatan terhadap punca pencemaran Sungai Semenyih yang menyebabkan 204 kawasan membabitkan 372,031 akaun pelanggan berdaftar di Wilayah Petaling, Hulu Langat, Kuala Langat dan Sepang terjejas masih giat dijalankan.

Jurucakap Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) berkata, walaupun punca pencemaran sudah diketahui, ia memerlukan masa untuk mendapatkan maklumat pihak yang bertanggungjawab menyebabkan sumber air sungai itu terjejas.

Menurutnya, kini Loji Rawatan Air Sungai Semenyih sudah pulih dan beroperasi sepenuhnya selepas gangguan bekalan sebelum ini dapat diatasi mengikut pro-

## Perlu masa siasat dalang cemar Sungai Semenyih

sedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan agar tidak mengganggu aktiviti harian pengguna.

"Siasatan masih dijalankan walaupun pencemaran sudah diketahui akibat pencemaran bau di sumber air mentah Sungai Semenyih akibat masalah pemetungan," katanya ketika dihubungi.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Alam Sekitar, Teknologi Hijau, Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) Dan Hal Ehwal Pengguna Selangor Hee Loy Sian sebelum ini dilaporkan berkata, pence-

maran bau mengakibatkan Sungai Semenyih ditutup dipercayai berpunca daripada pemetungan sisa tidak dibenarkan ke dalam sistem pemetungan.

Punca itu diperoleh susulan siasatan dijalankan pasukan daripada LUAS dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) ke atas sistem saluran utama jaringan pemetung awam di Bandar Bukit Mahkota, Bangi.

Siasatan juga mendapati satu saluran utama berbau peralut yang berkemungkinan menjadi lokasi utama kemasukan bahan itu sebe-

lum ke loji kumbahan Indah Water Konsortium Sdn Bhd (IWK).

"LUAS bersama pihak terbabit sedang berusaha mengenali pihak yang melakukan pencemaran berkenaan dan mengambil tindakan yang sewajarnya untuk menangani isu itu.

"Pihak yang didapati bersalah boleh disiasat dan dihukum mengikut Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 oleh JAS atau Seksyen 79, Enakmen LUAS 1999 tertakluk kepada hasil analisa pensampelan dilakukan Jabatan Kimia Malaysia," katanya.